

Pak pak ke debing debing...

Karya

Hidayah Amin

[Nor Hidayah Binte Mohd. Amin]

* Berdasarkan kisah benar

Pak pak ke debing debing.....

Hati Salha berdebar-debar bagai dipalu-palu. Perjalanan masa hadapannya bergantung atas keputusan yang tertera di kertas yang dipegangnya itu. Tangan Salha menggeletar. Dia membuka kertas itu perlahan-lahan. Kisah masa silamnya berpecutan di hadapan matanya.....

“Sudah jodoh. Nak buat apa?”

Salha terdiam mendengar kata-kata emaknya itu. Memang orangnya pendiam. Kalau ikutkan hatinya, mahu dia menjerit sekuat hati dan menyalahkan emaknya, Makcik Tipah dan semua orang yang bersubahat menghancurkan hidupnya. Tapi dia tahu manusia hanya boleh merancang tetapi Allah s.w.t yang menentukan segalanya. Mungkin memang sudah jodohnya dengan Harun.

“Kak Nab, sepatutnya si Salha tu sudah boleh kahwin. Takkan nak jadi andartu.....”

“Dadanya penuh dengan ilmu. Setaraf dengan si Salha. Tak rugi kalau kahwin dengannya. Mukanya pun lawa..... ”

Salha masih ingat akan Mak Tipah, jiran lamanya yang beriya-yia benar menjodohkannya dengan Harun. Mak Nab, emak Salha risau memikirkan perihal anak sulungnya yang telah berumur 33 tahun tetapi masih belum berumahtangga lagi. Bila Mak Tipah mensyorkan agar Salha dijodohkan dengan Harun, hati Mak Nab bersorak riang. Dia percaya dengan Mak Tipah yang telah dianggap macam saudaranya sendiri. Padanya, Mak Tipah yang telah menunaikan haji sebanyak 4 kali itu memang boleh dipercayai.

“Harun itu guru sekolah. Dia datang dari keluarga yang baik-baik. Rugi kalau kita tolak.....”

“Tak payah tunang-tunang, nikah terus..... jangan tunggu lama-lama, nanti di ambil orang..... takkan kau tak percayakan Mak Tipah kau ni!”

“Salha! Kau dengar cakap emak. Jangan buang masa lagi. Kau tu bukannya muda lagi!”

“Kak Sal, are you serious? You don’t know that guy! Habis tu, abang Din yang kat Canada tu macam mana?”

“Apa? Abang Din kata apa? Ah..... lelaki Melayu double standard. Kalau kita berpelajaran tinggi sikit dari mereka, macam-macam alasan mereka berikan untuk tak kahwin dengan kita. Mereka kata, kita ni terlalu liberal, nak asyik menanglah, nanti tak nak dengar cakap suami..... tapi kalau dengan perempuan asing yang sama tinggi pelajarannya, takpe!!”

“Sudahlah Dik, memang bukan jodoh kakak dengan abang Din..... Takkan kakak nak bantah perintah emak..... dia telah banyak berkorban untuk kita.....”

“Kak Sal, Tuhan pun suruh kita pilih teman hidup kita. Adik tau kakak anak yang taat, tapi janganlah jadi lembu cucuk hidung!”

Pak pak ke debing debing..... Pak pak ke debing debing.....

“Wah macam pinang dibelah dua!! Untung kau Nab !! Bermenantukan cikgu, ada kereta besar, handsome lagi..... macam Redzuan Hashim !!!”

Muka Mak Nab kemerah-merahan bila mendengar puji-pujian yang dilemparkan kepadanya. Memang dia bangga. Sudah lama dia hidup terhina.

Sudah lama dia menjanda. Suaminya yang tidak bertanggungjawab itu menceraikannya tanpa memberi nafkah kepada 5 orang anak-anak mereka yang ketika itu masih kecil-kecil lagi. Orang kampung selalu memandang hina akan keluarga Mak Nab dan 3 orang kakak Mak Nab yang masih belum berkahwin. Mak Nab tidak mahu dihina orang lagi. Dia tidak mahu Salha menjadi anak dara tua macam kakak Mak Nab, Enah yang kini berusia 62 tahun itu. Pada Mak Nab, perkahwinan Salha itu lebih penting dari ijazah yang telah dicapai oleh Salha. Barulah sekarang Mak Nab berasa yang dia sudah berjaya sebagai emak!!

Pak pak ke debing debing.....

Hati Salha dipalu-palu lagi Dia berasa takut setiap kali emaknya datang menjenguknya di flatnya di Eunos Crescent. Mak Nab yang banyak mulut dan garang itu sentiasa menanyanya yang bukan-bukan.

“Mana si Harun? Bila aku datang, dia tak ada. Kan sekarang ni cuti sekolah. Asyik merayap aje. Kau tu bukan nak ikut dia bercuti.”

“Dia pergi ikut sekolah, Mak. Lagipun, Sal sibuk di pejabat.”

“Aii, takkanlah tiap-tiap cuti sekolah pergi melancung dengan murid-murid? Kaya sekolah dia!”

“Sekolah sekarang mak, bukan macam sekolah dulu.....”

“Sal, cantik perabot ni..... mesti mahal. Kau beli ke Harun yang beli?”

“Eh..... abang Harun.....”

“Baguslah tu. Kan untung kau kahwin dengan Harun..... baik budi-pekertinya..... memang pandai Mak Tipah kau itu! Ah, kau orang pun dah dua

tahun berkahwin; bila nak dapat anak? Mak tak sabar nak timang cucu..... cepat-cepatlah.... jangan nak family planning aje.....”

“Insya Allah Mak.....”

“Sal, bagi Mak duit lebih sikit bulan ni. Mak nak bayar duit kain Thai silk yang Mak ambil dari Mak Joyah.....”

“Emak,..... Sal tak cukup hmm..... takpe, nanti Sal bagi Mak.....”

Pak pak ke debing debing.....

Salha pening. Pening melihat bil-bil yang bertimbun-timbun. Bil air. Bil elektrik. Bil ansuran perabot. Bil doktor Mak Nab. Wang simpanannya hampir susut. Wang gajinya tidak cukup untuk menampung perbelanjaan yang semakin meningkat. Ini baru untuk 2 orang. Kalau ada anak, macam mana agaknya? Aduh.... sakitnya kepalaku.....

“You can afford it. You pay”

“Tapi, ini semua kan tanggungjawab abang. Takkan Sal mesti bayar semua bil-bil rumah! On top of it, abang paksa Sal beri wang kepada emak-bapa abang. But that’s your responsibility! Dahlah abang tak bagi Sal nafkah.....”

“So, sue me.”

“Abang! Apa yang abang buat dengan wang gaji abang tu? Sal tengok abang kerap ke luar negeri. Setiap cuti sekolah dan hujung minggu pun cari peluang nak melancung.... Takkanlah school field trip asyik ke Thailand? Please be honest with me. Abang pergi ke tempat maksiat ke atau abang kahwin lagi satu.....”

*“Nonsense. Buat apa nak tambahkan beban? Dengan isteri satu pun aku tak boleh tahan. Besides, you are so old-fashioned. You’re fit to be the maid in the house and **not** my companion for life.....”*

“Abang Harun!!”

Pak pak ke debing debing.....

Jantung hati Salha bagai dihiris-hiris halus dengan pisau tajam. Hatinya meronta-ronta kesakitan. Kedengaran seperti ada suara orang lain di dalam bilik tidurnya. Siapa agaknya? Tak ada pun kasut wanita di pintu luar. Yang ada cuma kasut lelaki. Orang datang nak betulkan air-con yang rosak kah? Hmm..... tapi itu minggu depan.... eh.... puntung rokok siapa ini? Sejak bila si Harun merokok? Suara orang ketawa bertambah kuat. Suara Harun kah? Aduh..... peningnya Kepala Salha terasa bagai nak tercabut. Nasib baik doktor memberinya MC untuk berihat di rumah hari itu.....

“..... you’re so naughty Harunnn..... ”

Suara siapa itu? Salha dengan segala perasaan cemburu terus mendapatkan daun pintu. Dia tidak sabar untuk melihat sendiri wajah wanita yang telah merebut cinta suaminya

“Astarfighullah..... Harun!!”

“..... who’s she, darling?”

“Pichaya, she’s just someone whom my parents think can cure me.....”

Salha terpaku lemah melihat suaminya merangkul mesra tubuh badan lelaki lain di atas katil.

Pak pak ke debing debing..... Pak pak ke debing debing.....

Dengupan jantung Salha semakin pantas..... Keringat penuh membasahi dahinya yang putih itu..... Nafasnya bertambah sesak..... Dunia kini berputar-putar laju..... Pandangannya kabur. Salha jatuh terkulai menyembah bumi. Dia pengsan. Kertas yang dipegangnya tadi terlepas melayang bersama harapannya.....

YOU ARE HIV POSITIVE.

[1064 patah perkataan]